



PENGUAT KUASA DBKL menyita jeruk mangga yang dijual warga asing di sekitar Wangsa Maju, Kuala Lumpur kelmarin.

DBKL gempur penjaja jeruk mangga

KUALA LUMPUR – Dua penjaja jeruk mangga dan sebuah perniagaan mencuci kereta dikendalikan warga asing diambil tindakan dalam operasi khas di sekitar Wangsa Maju, di sini, kelmarin.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam kenyataan berkata, tindakan itu hasil kerjasama Jabatan Penguatkuasaan dan Pejabat Cawangan Wangsa Maju.

“Dalam operasi tersebut, DBKL telah mengambil tindakan sita serta-merta terhadap dua penjaja jeruk mangga warga asing di sekitar Jalan 1/27A, Wangsa Maju.

“Selain itu, DBKL turut mengambil tindakan sitaan terhadap tempat mencuci kereta yang dikendalikan warga asing di lorong belakang Jalan Wangsa Setia 2, Wangsa Maju,” katanya

dalam hantaran di Facebook.

Jelasnya, kesemua barangan yang diambil tindakan telah dibawa ke stor sitaan Jalan Lombong di Taman Miharja Cheras, di sini, untuk tindakan rekod dan dokumentasi.

“Pihak DBKL akan meneruskan tindakan dan pemantauan dari semasa ke semasa di lokasi tumpuan yang telah dikenal pasti,” ujarinya.